



## GEREJA KRISTUS LIKAS

Mengenal dan Memperkenalkan Kristus

Bisyp: Bisyp Datuk Melter Jiki Tais

Rektor: Archdekan Moses Chin



**Hubung**

P.O. Box 18510, Pejabat Pos Besar Kota Kinabalu,  
88670 Kota Kinabalu, Sabah

Pejabat: 088-426312, 213220 | Mudah alih: 019-6611558

<http://christchurchlikas.org/> | [cclikas@gmail.com](mailto:cclikas@gmail.com)

## Trinititi 10 - 4 Ogos 2024

### Doa Hari Ini

Bapa Mahakuasa, Anak-Mu Yesus Kristus mengajar bahawa apa yang kami lakukan kepada orang yang paling tidak layak kami lakukan juga kepada Dia; berilah kami kehendak menjadi pelayan orang lain seperti mana Dia adalah pelayan kepada semua orang, yang mengorbankan nyawa dan mati untuk kami, tetapi sekarang hidup dan memerintah dengan Engkau dan Roh Kudus, satu Allah, sekarang dan selamanya. Amin.

Injil - Matius 28:16-20

Pembacaan Berbalas-balas -  
Roma 1:8-17



**Begitu besar kasih Allah akan dunia ini** - Yohanes 3:16

Kebaktian BM disiarkan **secara langsung, 11:30 pagi.**:

- YouTube: [https://www.youtube.com/](https://www.youtube.com/@christchurchlikas/streams)

[@christchurchlikas/streams](https://www.youtube.com/@christchurchlikas/streams)

Selamat datang ke dalam perkumpulan umat Tuhan.  
Kita bersama-sama beribadah kepada Tuhan Yesus yang telah bangkit  
dan mendorong satu sama lain untuk mentaati-Nya.

## 1. RAKAN MISI GEREJA

*Operation Mobilisation* (OM) atau Penggerak Operasi telah berada di Malaysia sejak 40 tahun yang lalu! Kita amat bersyukur. Diosis Sabah telah menjadi rakan sepelayanan dalam banyak pelayanan dan acara mereka. Seseengah daripada kita mempunyai pengalaman peribadi dengan pelayanan kapal mereka - Logos, Doulos dan Doulos-Hope. Lawatan Doulos-Hope yang seterusnya ialah di Sandakan, pada 4-22 Sept.



Pagi ini, kita berasa senang dengan kunjungan Rev. Rodney Hui, seorang Mentor Misi dengan OM Asia Timur; untuk memberikan dorongan dan seterusnya mencabar kita dalam misi dunia.

## 2. TEROKAI KRISTIANITI

Kursus ini bertujuan untuk memperkenalkan Yesus menerusi Injil Markus, diteruskan hari ini: BC - 10:00 pagi; BI - 12:00 tengah hari; dan, BM - 2:00 petang. Semua sesi dijalankan di Dewan Alpha. Makan tengahari disediakan. Amalilah sebuah pengalaman pembelajaran yang baik. Kenalilah beberapa rakan baru.



Topik hari ini: 'Mengapa Yesus bangkit?'.

## 3. 'ALLAH ELIA'

Siri khutbah kita diteruskan:

- 14 Jul - Dia : 1 Raja 17 (Kerit & Sarfat)
- 21 Jul - Dia mendedahkan - 1 Raja 18b (Gunung Karmel)
- 28 Jul - Dia mencabar - 1 Raja 19 (Gunung Horeb)
- **4 Ogos - Allah yang Bermisi (pengkhutbah jemputan)**
- 11 Ogos - Dia memberi pembalasan - 1 Raja 21 (kebud anggur Nabot)
- 18 Ogos - Minggu Penetapan
- 25 Ogos - Dia menghakimi - 2 Raja 1 (penyembahan berhala Ahazia)
- 1 Sep - Dia memerintah - 2 Raja 2 (Kenaikan Elia)



## 4. LAWATAN KE ARK

Khamis ini, 8 Ogos, 10:00 pagi - giliran kami untuk melawat ARK. Jika anda ingin menjadi sebahagian daripada tim pelayanan ini, sila daftar di Meja pelayanan jemaat kami.

Sementara itu, ARK sedang mencari Pentadbir yang merangkap Kerani Akaun. Untuk maklumat lanjut, sila hubungi Warden (tel: +6016-8189013).

## 5. PERSEKUTUAN DOA BAHASA INGGERIS

Khamis ini, 8 Ogos, 8:00 mlm - di Dewan Alpha. Fokus: Bangsa Kita yang Tercinta. Pertemuan secara hibrid melalui Zoom. ID: 849 0600 4194, Kod Laluan: 0224

## 6. MINGGU PENETAPAN - 18 Ogos.

Kebaktian Penetapan akan dijalankan oleh Bisyp Melter Tais di Kebaktian berikut:

- 9:30 pg - Kebaktian BI. Calon-calon Penetapan dari BC & BI akan ditetapkan dalam kebaktian ini.
- 11:30 pg - Kebaktian BM; bagi calon-calon penetapan BM.
- [ makluman: 7:30 pg - Kebaktian Bahasa Cina adalah pada ketetapan biasa; TIADA Penetapan ]

Jika ada daripada anda yang dari latar belakang denominasi gereja lain, dan kini ingin menjadi anggota Anglikan, maka anda perlu Ditetapkan oleh Bisyp. Rektor kami akan bertemu dengan anda pada Jumaat depan, 9 Ogos, di bilik mesyuarat pejabat gereja, pada pukul 8:00 malam.

## 7. KEGIATAN DALAM DIOSIS

- 15-17 Sep - Konferensi Doa 'Penerobosan', dalam BC & BI, di Katedral All Saints. Sila mendaftar. Yuran RM150/- seorang; termasuk makan. 100 pendaftar 'terawal' sebelum 31 Julai, akan mendapat subsidi RM50/- dari gereja. Lebih daripada 400 orang sudah mendaftar.
- 16-18 Sept - **Latihan Pemimpin Awam (LPA)**, dalam BM, di Telupid. Sila rujuk maklumat tersedia.
- 19-21 Sep - **Khemah Muda-mudi** BM, di Telupid. Sila rujuk maklumat tersedia.



## 8. PROJEK LABUR - terima-kasih!!

Terkini: RM110,305/- Minggu lepas: RM865/- Masih diperlukan: RM489,695/-

## 8. PELAYANAN-PELAYANAN YANG LAIN

- 17 Ogos, Sabtu - Persekutuan **Evergreens**, Dewan Omega, 9:30 pg.
- **Gubahan bunga** untuk hari ini disumbangkan oleh Ho Mun Kitt & Irean.
- Pemberitahuan Pernikahan yang kedua di antara Syahbir Karolus & Priscilla Johan@John (jemaat BM). Mereka merancang untuk mengadakan Kebaktian Pernikahan pada 24 Ogos 2024.

**UNTUK PEMBERIAN DALAM TALIAN**

**RHB Bank | 2-10103-0001913-1**

**Christ Church Likas**

**Boost:** <https://myboost.app.link/FPvG94VIT4>



## Matius 28:18-20

# Mandat Misi

Rev. Rodney Hui,  
Mentor Misi, OM Asia Timur

Untuk renungan & perbincangan:

Adakah anda fikir anda akan menjadi seorang utusan Injil? Mengapa atau mengapa tidak?

1. Yesus memberikan Amanah Agung - ay19-20. Atas kuasa apakah Dia memberikan amanat ini - ay18.
2. Yesus memerintahkan murid-murid-Nya supaya 'memuridkan'. Berikan 3 kegiatan yang berkenaan dengan usaha ini - ay19-20.
3. Di manakah murid-murid diutus? Apakah yang dilakukan oleh murid-murid Yesus yang pertama sebagai respon kepada Amanat Agung-Nya? Nyatakan beberapa aktiviti mereka; dan beberapa tempat yang mereka pergi.
4. Apakah janji Yesus kepada murid-murid - ay20? Apakah janji Yesus kepada kita hari ini, semasa kita pergi dan 'memuridkan'?
5. Bagaimanakah anda, atau kumpulan sel anda, boleh terlibat aktif dalam pelayanan misi? Apakah beberapa aktiviti yang mungkin anda ingin lakukan pada tahun ini? Berikan beberapa cadangan.
6. Bagaimanakah gereja kita boleh banyak terlibat dalam misi dunia? Cadangkan beberapa langkah yang boleh diambil oleh gereja kita.

### **UNTUK DIDOAKAN**

#### **Sabah yang tercinta**

- agar lebih ramai pemimpin yang salih akan dibangkitkan untuk menerajui negeri

[berdoa untuk pemimpin yang berwawasan, berani, dan prihatin]

#### **Gereja kita yang dikasihi**

- agar Roh Allah akan membawa pembaharuan dalam segala aspek kehidupan kita [berdoa untuk mereka yang mengikuti kursus Terokai Kristianiti]

#### **Diri kita sendiri**

- agar kita mempunyai komitmen yang besar kepada misi  
[berdoa untuk peluang agar dapat berkongsi kasih Tuhan]

- berdoa untuk mereka yang dalam keperluan khusus, baik minda atau rohani; dan untuk 5 sahabat kita. Namakan mereka dalam doa anda.